



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	SELASA, 30 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SUASANA KONDUSIF RANSANG PRODUKTIVITI PEKERJA, TINGKAT DAYA SAING ORGANISASI
M/S	12
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

12 **Rencana** Selasa, 30 April 2024 **BIT**

Suasana kondusif ransang produktiviti pekerja, tingkat daya saing organisasi

- Mana-mana pekerja akan berasa aman dan selesa untuk bekerja di organisasi yang majikannya sentiasa menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- Pekerja harus peka keadaan persekitaran dengan mengetahui risiko serta bahaya mungkin berlaku dengan cara mengetahui tempat, prosedur atau keadaan berisiko supaya kemalangan dapat dielakkan

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disambut pada 28 April di seluruh dunia bermula pada 2003 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Ia menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan tripartite dan dialog sosial.

Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disambut setiap tahun di negara ini sebagai sokongan dalam mementingkan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja.

Sambutan seperti ini sangat penting kerana peningkatan perangkaan penyakit pekerjaan dan kemalangan mampu memberi impak besar terhadap negara.

Hal ini kerana, kadar kemalangan industri yang rendah juga memberikan imej baik untuk negara, sekali gus menarik minat industri asing melabur. Kemalangan pekerjaan adalah kemalangan berlaku ketika bekerja termasuk kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik tempat kerja.

Di Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertanggungjawab memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di sektor awam dan swasta. JKKP bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Kesihatan pekerjaan atau keselamatan pekerjaan adalah bidang pelbagai disiplin berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di tempat kerja.

Kesan kesihatan kepada pekerja akibat pendedahan kepada mudarat bergantung kepada faktor seperti jenis mudarat, jangka masa pendedahan dan banyaknya jumlah mudarat didedahkan. Faktor sosial demogra-

fi pekerja seperti umur, jantina, keturunan dan status kesihatan turut berperanan.

Golongan pekerja mempunyai risiko mendapat kecederaan dan penyakit disebabkan mereka terdedah kepada pelbagai mudarat di tempat kerja. Kehilangan pekerja berkemahiran tinggi disebabkan penyakit dan kemalangan adalah kerugian sukar diganti.

Kesan jangka masa panjang kesihatan kepada pekerja adalah terjadinya penyakit seperti hilang pendengaran akibat bunyi bising, penyakit paru-paru, kegagalah buah pinggang, penyakit saraf dan kanser.

Pencegahan kemalangan

Lantaran itu, kerajaan berusaha memupuk dan membentuk budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di Malaysia. Matlamat ini boleh dicapai melalui kerjasama antara kerajaan, majikan dan pekerja dengan mendukung prinsip dan falsafah terkandung dalam Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara.

Statistik suku keempat 2021 menyatakan lebih 15 juta penduduk Malaysia bekerja untuk menyara diri dan keluarga. Justeru, menjadikan tempat kerja selamat, sihat dan bebas kemalangan serta penyakit adalah penting.

Hal ini kerana, ia menyumbang kepada peningkatan tahap persekitaran kerja menjadi satu daripada komponen penting kepada kualiti hidup pekerjaan dan produktiviti organisasi.

Menjadi tanggungjawab pihak pengurusan memastikan pekerja seliaan mereka bekerja dengan selamat dan sihat

Kedua-dua kesan positif ini seterusnya akan menyumbang secara langsung kepada peningkatan kualiti hidup rakyat dan daya saing negara, sejajar dengan matlamat dasar dan pelan transformasi.

Hakikatnya, menjadi tanggungjawab pihak pengurusan memastikan pekerja seliaan mereka bekerja dengan selamat dan sihat. Mana-mana pekerja akan berasa aman dan selesa untuk bekerja di organisasi yang majikannya sentiasa menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Lantaran itu, majikan perlu melaksanakan keperluan keselamatan dan kesihatan mengikut kesesuaian tempat mereka dengan penyediaan keperluan, cadangan serta kaedah pengawalan dan pencegahan risiko tempat kerja setakat yang praktikal.

Majikan mengabaikan aspek KKP serta gagal membuat analisis risiko dan mengadakan kawalan risiko berkesan akan meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Antara punca berlaku kemalangan di tempat kerja adalah hilang fokus. Bekerja dalam tempoh lama mendedahkan pekerja kepada hilang daya tumpuan. Justeru, setiap pekerja perlu diberi masa rehat singkat untuk mengembalikan semula tenaga dan membuatkan mereka segar.

Selain itu, tekanan atau stres boleh membawa kepada kemurungan dan kurang fokus. Antara perangsang stres adalah waktu bekerja lama, kerja terlalu banyak dan hubungan kurang baik antara pekerja bersama majikan.

Maka, pekerja dan majikan harus bekerjasama mewujudkan suasana kerja positif dan seronok. Pekerja turut harus peka dengan keadaan persekitaran mereka dengan mengetahui risiko serta bahaya mungkin berlaku dengan cara mengetahui tempat, prosedur atau keadaan berisiko supaya kemalangan dapat dielakkan.

Bagi mengelak berlakunya kemalangan di tempat kerja, kesedaran harus dipupuk terlebih dahulu dalam kalangan majikan dan pekerja supaya ia menjadi satu budaya sihat dan penting dalam aspek kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

Oleh kerana insiden atau kemalangan di tempat kerja boleh berlaku pada bila-bila masa, majikan harus bertanggungjawab dan memastikan mereka mengambil langkah perlu untuk mengurangkan risiko insiden atau kemalangan, di samping menyediakan persekitaran kerja selamat.

Persekitaran kerja kondusif dan selamat, menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti kerja kerana kesihatan pekerja terjamin dari segi fizikal, mental, dan emosi. Pekerja akan bekerja dengan tekanan kerja minimum dan berasa gembira untuk bekerja di tempat kerja.

Pekerja pula mengharapkan majikan mempunyai kesedaran, di balik keuntungan dikejar, keselamatan adalah perkara perlu menjadi keutamaan. Menjadi tanggungjawab kepada majikan untuk membekalkan alat pelindung diri berselesaian secara percuma kepada pekerja. Jangan disebabkan kecuatan majikan, pekerja terpaksa menanggung derita.



DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM